

18 APR 2001

KWSP-Caruman

PEKERJA YANG INGIN MENCARUM MELEBIHI SEMBILAN PERATUS PERLU ISI BORANG

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Pekerja yang ingin mencarum melebihi kadar sembilan peratus kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlu mengisi Borang KWSP 17A (Pekerja).

Menurut Pengurus Perhubungan Awam KWSP Nik Affendi Jaafar borang yang telah diisi itu perlu dikemukakan kepada majikan untuk tandatangan dan kemudian dihantar kepada KWSP.

"Potongan gaji untuk pilihan mencarum melebihi sembilan peratus ini hanya boleh dilaksanakan setelah borang persetujuan itu dikemukakan kepada KWSP," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya pekerja yang tidak membuat pilihan untuk mencarum lebih daripada kadar yang diwajibkan secara automatik perlu mencarum pada kadar sembilan peratus seperti yang diumumkan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan memberi pilihan kepada pekerja untuk mengurangkan caruman KWSP mereka pada kadar sembilan peratus atau mengekalkannya pada kadar 11 peratus setelah mengambil kira rungutan mereka.

Kerajaan pada 3 April mengumumkan untuk menurunkan kadar caruman wajib pekerja kepada sembilan peratus berkuatkuasa mulai gaji bulan April dan dibayar kepada KWSP sebelum 21 Mei 2001.

Nik Affendi berkata sebagai panduan kepada majikan membuat potongan gaji pekerja pada kadar baru sembilan peratus ini, KWSP akan menghantar Jadual Kadar Caruman baru (Jadual Ketiga) tidak lama lagi.

Majikan juga boleh mendapatkan panduan mengenai kadar baru itu melalui Laman Web KWSP di alamat [www.kwsp.gov.my/kwsp](http://www.kwsp.gov.my/kwsp).

Borang KWSP 17A (Pekerja) itu boleh diperolehi di semua pejabat KWSP di seluruh negara atau di laman web KWSP mulai 23 April 2001.

-- BERNAMA

MUN AHH RON